

# Dua artifak tempayan besar disangka bom

BH 17/9/14 MS 19.

## » Penemuan dipercayai ada kaitan dengan Lembah Bujang

Oleh Nur Syazwana Mansor  
bhnews@bh.com.my

► Sik

Penduduk Kampung Chichar di Jeneri dekat sini, gempar susulan penemuan dua struktur artifak berbentuk tempayan besar yang dipercayai mempunyai kaitan dengan tamadun purba Lembah Bujang.

Artifak yang diyakini berusia ratusan tahun itu ditemui Nordin Ahmad, 48, pada Julai lalu ketika dalam perjalanan pulang ke rumahnya dari dusun yang terletak kira-kira 25 meter dari lokasi artifak itu ditemui.

Pada awalnya, Nordin tidak menghebohkan perkara itu sehingga dia 'membuka' rahsia berkenaan, Sabtu lalu.

Nordin berkata, dia terkeju ke-

tika melihat satu bentuk bulatan yang timbul kesan mendapan tanah di kawasan itu sebelum menggali dengan bantuan sepunya, Rohaizat Zakaria, 27.

Selepas menggali sedalam 0.6 meter, mereka berhenti sejeurus mendapati ia adalah struktur binaan yang besar diperbuat daripada tanah liat.

"Kami cemas selepas mendapati ia bukannya objek biasa, lalu mengambil keputusan berhenti menggali kerana bimbang bom lama," katanya, semalam.

Selepas Nordin memberitahu penduduk perkara itu pada Sabtu lalu, beberapa penduduk sepakat menggali semula kawasan itu.

### Gali semula

Berikutan itu, dia bersama lebih 20 penduduk menggali semula sedalam 1.2 meter dengan mengambil masa hampir satu jam setengah dan menemui dua struktur binaan menyerupai tembikar bersaiz besar.

"Ada penduduk membuat andaian ia bekas abu mayat masyarakat Siam pada zaman dahulu dan ada penduduk mengatakan ia dapur pada zaman purba meman-



Nordin menunjukkan **dua struktur artifak berbentuk tempayan besar** yang ditemuinya Julai lalu di Kampung Chichar, Sik, Kedah.

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

dangkan rupa bentuk yang menyerupai tempayan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (CGAR) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Mokhtar Saidin, ketika dihubungi percaya objek itu ada kaitan dengan ta-

madun purba yang mempunyai jaringan sejarah sehingga ke abad pertama.

Beliau yang baru dimaklumkan mengenai penemuan itu, berkata sudah melihat gambar objek terbabit dan berdasarkan pengamatan, ia mungkin sejenis relau di-

gunakan untuk meleburkan besi.

"Kita akan hantar pasukan untuk mengkaji objek itu, termasuk tapak berkenaan kerana objek terbabit menyerupai bahan sama (relau) yang ditemui di Jeniang, kira-kira 17 kilometer dari situ," katanya.